

29/09/2001

Musa Aman dilantik Pengerusi Perhubungan Umno Sabah

KUALA LUMPUR, Jumaat - Menteri Kewangan Sabah, Datuk Musa Aman, yang juga Bendahari Umno Negeri dilantik sebagai Pengerusi Perhubungan Umno Sabah, menggantikan Datuk Osu Sukam.

Pelantikan Musa yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Sungai Sibuga, diumumkan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini, hari ini.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak pula dilantik sebagai Timbalan Pengerusi Perhubungan Umno Pahang, menggantikan Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob.

Dalam sidang akhbar, Perdana Menteri berkata, Khalil melepaskan jawatan timbalan pengerusi perhubungan untuk memberi tumpuan kepada tugasnya sebagai Setiausaha Agung Umno dan Menteri Penerangan.

"Kita sudah buat keputusan dia (Khalil) tidak memberi tumpuan di Pahang sahaja. Tugas itu boleh diserahkan kepada Najib. Ini bukan bermakna jadi Menteri Penerangan tidak penting," katanya.

Perdana Menteri berkata, mesyuarat MT juga membincangkan mengenai pelaksanaan projek menggunakan peruntukan tambahan RM4.3 bilion dalam pakej baru rangsangan ekonomi yang diumumkannya, Selasa lalu.

Katanya, semua wakil rakyat diminta mengenal pasti projek supaya dapat dilaksanakan segera dengan sempurna menggunakan peruntukan itu tahun ini.

Mengenai kemenangan Barisan Nasional (BN) Sarawak pada pilihan raya negeri semalam, Dr Mahathir berkata, ia satu petanda baik kepada amalan demokrasi di negara ini kerana politik kotor ditolak rakyat.

"Politik kotor seperti mengugut, tindakan kasar dan menggunakan perkataan yang tidak baik nampaknya ditolak rakyat. Kita juga percaya ini petanda baik kepada masa depan BN," katanya.

Perdana Menteri berkata, keputusan itu juga menunjukkan rakyat menolak Parti Keadilan Nasional (Keadilan) serta Pas dan kedua-dua parti itu tidak dapat bertapak di Sarawak.

Sementara itu, ketika melancarkan buku Malbatt dan Malcon di Bosnia Herzegovina: Imbasan Kembali di Auditorium Kementerian Pertahanan di sini, pagi ini, Dr Mahathir menyatakan penghargaan kerajaan kepada anggota tentera kerana memberi sokongan kepada kerajaan BN Sarawak pada pilihan raya negeri semalam.

Perdana Menteri berkata, mandat besar yang diberikan anggota tentera serta rakyat Sarawak itu pastinya akan membantu kerajaan BN meneruskan usaha membangunkan negara.

(END)